

ASEAN+3: Ada negara tidak senang usaha kita

11 AUG 2007

TANJUNG MALIM 10 Ogos
Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan ada negara anggota ASEAN yang tidak senang hati dengan usaha Malaysia untuk menjadi tuan rumah bagi Sekretariat ASEAN+3 di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri yang tidak menyebut nama negara terbabit berkata, negara itu mahu sekretariat berkenaan diwujudkan di negara mereka.

“Ada negara tidak senang hati apabila Sekretariat ASEAN+3 ditempatkan di negara ini,” katanya ketika sesi dialog bersama pelajar dalam lawatannya ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai menjawab soalan salah seorang pelajar yang meminta beliau menjelaskan perkembangan ASEAN+3 selepas Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) ke-35 di Brunei dan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) bar-u-baru ini.

Pada AMM di Bandar Seri Begawan, Brunei akhir bulan lalu, Menteri-Menteri Luar ASEAN gagal mencapai konsensus mengenai tawaran Malaysia untuk menubuhkan Sekretariat ASEAN+3 di Kuala Lumpur.

AMM sebaliknya memutuskan su-

paya sekretariat itu hanya dijadikan sebuah unit di bawah Sekretariat ASEAN di Jakarta.

Dr. Mahathir yang kecewa dengan keputusan mesyuarat tersebut menegaskan Malaysia akan tetap berusaha untuk menubuhkan sekretariat itu di negara ini walaupun negara ASEAN gagal mencapai persetujuan berhubung perkara itu.

Perdana Menteri menjelaskan, penubuhan ASEAN+3 merupakan rentetan daripada usaha Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) sejak 10 tahun lalu.

Kata beliau, penubuhan dua kumpulan ekonomi itu bertujuan mengimbangi kekuatan pasaran di rantau ini dengan Amerika Utara dan Eropah.

Bagi membina kekuatan itu, kata beliau, ASEAN+3 disertai oleh China, Jepun dan Korea bagi membentuk pasaran ekonomi yang lebih besar setanding dengan Eropah dan Amerika Utara.

Katanya, dengan penyertaan China, Jepun dan Korea, Dr. Mahathir berkata, pasaran akan meningkat apabila jumlah penduduk meningkat mendadak kepada 1.5 bilion orang dan tidak perlu bergantung kepada pasaran Eropah dan Amerika Utara.

“Apabila ASEAN dicantumkan dengan tiga negara itu, suara kita menjadi cukup kuat di dunia.

“Tanpa penyertaan China, Jepun dan Korea, suara kita tidak dihormati. Negara-negara Asia Tenggara adalah negara membangun yang lemah,” katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, negara kini menghadapi kekurangan penterjemah profesional walaupun memiliki Institut Terjemahan Negara.

Ini kerana, kata beliau, tidak ramai di kalangan rakyat fasih dalam pelbagai bahasa termasuk Mandarin, Tamil, Jerman dan Perancis selain Melayu dan Inggeris.

Menurutnya, keadaan bertambah buruk apabila ramai yang fasih berbahasa Inggeris tetapi tidak ada kemahiran atau pengetahuan dalam bidang Sains dan Teknologi.

“Golongan yang mahir dalam Sains dan Teknologi, pula tidak berminat melakukan kerja-kerja penterjemahan,” katanya.

Beliau menegaskan, beliau akan menolak penghargaan Hadiah Nobel jika dianugerahkan kepadanya kerana hadiah tersebut hanya dibagikan kepada penentang kerajaan.

“Oleh itu, saya tidak mahulah ada rakyat kita yang menerima pengiktirafan itu,” tambahnya.